



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **1,013 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **34,785 kes** (73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (566 kes);
- Negeri Sembilan (171 kes);
- Selangor (154 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (66 kes);
- Sarawak (17 kes);

- Pulau Pinang (14 kes);
- Perak (10 kes);
- Kedah (6 kes);
- Melaka (5 kes);
- Johor (2 kes); dan
- Terengganu (2 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 15 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,208 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **47,417 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 pula adalah 12,323 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 381 kes (31.5 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 661 kes (54.7 peratus) positif pada hari ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 594 kes adalah daripada kluster-kluster (89.9 peratus). Kluster yang melaporkan kes yang tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Damanlela** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak **460 kes**.

Sebanyak tujuh (7) kes (0.6 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di penjara. Ini melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (4 kes), Kluster Penjara Sandakan (2 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 1,208 kes baharu pada hari ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melaporkan **enam (6) kes import** yang mendapat **jangkitan dari luar negara**. Kesemua kes import tersebut melibatkan bukan warganegara yang tiba dari negara:

- India (3 kes);
- Bangladesh (1 kes);
- Nepal (1 kes); dan
- Indonesia (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 381 kes**

- 67 kes daripada kluster-kluster, termasuk 14 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Plaza** dan **Kluster Jalan Kalabakan**; dan
- 191 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- 123 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 469 kes**
 - 462 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Selangor: 185 kes**
 - 132 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 29 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 48 kes**
 - 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 21 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 42 kes**

- 37 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 30 kes**

- 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: Sembilan (9) kes**

- Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jeri**;
- Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan

- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: Lapan (8) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Sarawak: Empat (4) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kelantan: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perlis : Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **104 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **42 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **309 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
307	45459	Sabah	Perempuan (WN)	8	Hospital Tawau	-
308	32143	Sabah	Lelaki (WN)	77	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi, penyakit jantung, dan penyakit buah pinggang
309	45486	Sabah	Perempuan (WN)	63	Hospital Duchess of Kent	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan penyakit jantung

*WN merujuk kepada warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER BAH ARNAB DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa, **Kluster Bah Arnab** telah tamat pada hari ini. Kluster ini melibatkan daerah Kuching di negeri Sarawak. Sehingga 15 November 2020, seramai 72 individu telah disaring di mana 12 kes dikesan positif COVID-19 manakala 60 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

TIGA (3) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat tiga (3) kluster baharu telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER PLAZA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-42299) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 11 November 2020 dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Institut Kemahiran MARA, Kota Kinabalu. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 11 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 15 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 19 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**11 kes baharu**); dan
- Tujuh (7) individu dikesan negatif.

2. KLUSTER JALAN KALABAKAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Tawau di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-31309) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Tawau. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 21 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 15 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 22 individu telah disaring, di mana kesemua 22 kes telah dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**).

3. KLUSTER JERI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Tinggi, Mersing, dan Muar di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), Singapura pada 6 November 2020.

Saringan kontak rapat di Malaysia telah mengesan sebanyak 26 kes positif COVID-19 dan kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang, Johor.

Sehingga 15 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 1,170 individu telah disaring, di mana:

- 26 kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**); dan
- 535 individu dikesan negatif; dan
- 609 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di

tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	381	23,095
SELANGOR	185	7,624
W.P. KUALA LUMPUR	475 (6)	3,976
NEGERI SEMBILAN	48	3,421
KEDAH	8	2,263
PULAU PINANG	42	1,628
W.P. LABUAN	30	1,177
SARAWAK	4	1,040
JOHOR	9	994
PERAK	21	769
PAHANG	0	395
MELAKA	2	367
TERENGGANU	0	225
KELANTAN	1	211
W.P. PUTRAJAYA	1	191
PERLIS	1	41
JUMLAH KESELURUHAN	1,208 (6)	47,417

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif
(15 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	460	747	3,069	744 (0)	3	0
2	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Gombak	53	214	579	195 (0)	19	0
3	Perigi	Selangor	Klang	33	247	841	241 (0)	6	0
4	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Kuala Muda	33	138	1,582	123 (2)	15	0
5	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	29	730	7,915	371 (0)	359	0

6	Cergas	Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor	Seremban, Rembau, Port Dickson, Pasir Puteh, Klang	17	1,135	4,385	1,061 (0)	74	0
7	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi	12	799	3,355	333 (2)	466	0
8	Alila	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	11	34	317	26 (0)	8	0
9	Saguking	WP Labuan	Labuan	10	391	3,539	145 (0)	245	1
10	Mampulut	Sabah	Keningau	10	95	729	76 (0)	19	0
11	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Langat, Seremban, Port Dickson, Rembau, Jelevu, Kuala Pilah	8	269	1,276	207 (0)	62	0
12	Tenaga	WP Labuan	Labuan	8	119	229	70 (0)	49	0

13	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Bandar Baharu, Kuala Muda, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta, Arau	8	74	1,584	55 (4)	18	1
14	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kampar, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	7	103	1,527	51 (5)	52	0
15	Ria-30	Sabah	Tuaran	6	126	1,489	111 (0)	15	0
16	Nahaba	Sabah	Kota Belud	5	39	657	39 (0)	0	0
17	Istimewa	Sabah	Sandakan	5	21	54	15 (0)	6	0
18	Tamar	Selangor	Petaling	5	15	137	5 (0)	10	0
19	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	4	553	3,254	92 (0)	461	0

20	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor	Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat	4	272	634	184 (0)	88	0
21	Jambatan B	Sabah	Sandakan	4	62	201	36 (0)	25	1
22	Jaya	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Sepang	3	96	352	35 (0)	61	0
23	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	3	56	1,389	22 (0)	34	0
24	GK Tawau	Sabah	Tawau	3	54	168	23 (0)	31	0
25	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	2	433	1,733	383 (1)	50	0
26	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	2	128	1,173	18 (1)	110	0
27	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	2	90	1,555	35 (0)	55	0
28	Karamunting	Sabah	Sandakan	2	67	76	56 (0)	11	0

29	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	1	1,845	3,970	192 (1)	1,653	0
30	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Sepang, Seremban, Port Dickson	1	161	2,367	54 (0)	107	0
31	Rengas	Perak, Pulau Pinang, Kedah	Kuala Kangsar, Seberang Perai Selatan, Kulim	1	124	801	120 (1)	4	0
32	Basung	Sabah	Kudat	1	94	700	20 (0)	74	0
33	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	75	936	15 (0)	60	0
34	Titian	WP Labuan	Labuan	1	64	530	30 (0)	34	0
35	Bah Medan	Selangor	Sepang	1	49	454	12 (0)	37	0
36	Dialisis	Sabah	Lahad Datu	1	47	167	29 (1)	18	0
37	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	1	44	1,245	32 (0)	12	0
38	Sauh	Sabah, Sarawak, Melaka	Kota Kinabalu, Tawau, Semporna, Papar, Miri, Daro, Jasin	1	35	404	8 (0)	27	0

39	Danau	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	1	16	1,674	8 (0)	8	0
40	Softwood LD	Sabah	Lahad Datu	1	15	144	13 (0)	2	0
41	Haven	Sabah	Lahad Datu	1	13	172	13 (0)	0	0
42	Assumption	Pulau Pinang, Kedah	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Kulim	1	11	94	11 (0)	0	0